

# Pembenihan awan setiap hari di kawasan empangan

**KUALA LUMPUR 2 Mei** - Jabatan Meteorologi melakukan operasi pembenihan awan setiap hari di kawasan empangan yang mempunyai paras air kritikal termasuk di Empangan Timah Tasoh, Perlis.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Che Gayah Ismail** berkata, proses itu dilakukan sejak 12 April lalu bermula di bahagian utara Semenanjung.

Beliau memberitahu, sekarang adalah tempoh sesuai untuk proses pembenihan awan berikutan berlaku awan perolakan yang boleh menyumbang kepada hujan lebat.

"Kita melakukan operasi pembenihan awan setiap hari terutama di kawasan empangan yang mempunyai masalah paras air kritikal seperti di Empangan Timah Tasoh.

"Kos melakukan pembenihan awan adalah kira-kira RM80,000 sehari," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Tambah Che Gayah, sekarang adalah musim peralihan monsun yang memudahkan pembenihan awan dilakukan.

Katanya, peralihan monsun bermula 1 April lalu sehingga pertengahan bulan ini.

Paras air di Empangan Timah Tasoh terus menyusut sebanyak 0.04 meter kepada 26.10 meter semalam walaupun berlaku hujan lebat sejak empat hari lalu di sekitar Perlis.



**CHE GAYAH ISMAIL**

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, **Abdul Najib Abdullah** berkata, keadaan itu berlaku kerana taburan hujan yang diterima bukan di kawasan dalam empangan tetapi di sekitar luar empangan.

Abdul Najib berkata, bacaan di empangan itu semalam adalah di paras 26.14 meter.

Sebanyak 13,000 pemilik akaun domestik terlibat dengan catuan bekalan air dan pengagihan bekalan air terawat di utara Perlis meliputi kawasan di Wang Kelian, Kaki Bukit, Titi Tinggi, Beseri dan Abi sejak 16 April lepas.